



UiTM@Media **2016**

Jaringan Industri

UITM@Media
2016

Pendekatan lebih mesra

■ KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB

NILAI - Kementerian Pendidikan Tinggi bakal menggunakan pendekatan lebih mesra dalam meneliti dan memantau prestasi kolej swasta di negara ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, melalui langkah itu, pihaknya mengutamakan perubahan berbanding hukuman terhadap mana-mana kolej yang enggan mengikut peraturan.

"Kita akan beritahu mereka apa yang harus dilakukan untuk meningkatkan perkhidmatan. Jika mereka boleh berubah, kita tidak perlu ambil tindakan.

"Jika mereka berulang kali tidak mematuhi peraturan, kita akan lihat bagaimana tindakan sesuai kepada mereka demi menjaga kualiti pendidikan negara," katanya.

Menurutnya, langkah itu bagi mengelak pendidikan menjadi satu perniagaan yang terlalu mementingkan keuntungan.

"(Memang) mereka (pengusaha kolej swasta) perlu hidup dan membuat untung untuk terus berjaya.

"Tapi kita tidak mahu *marketization* dan *financialization* yang keterlaluan ter-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Naib Presiden Kanan, Pengurusan Sumber Tenaga Manusia Kumpulan Petronas, Raiha Azni Abd Rahman (dua, kiri) bertukar MoU dengan Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr Hassan Said, disaksikan Idris (tengah).

hadap industri pendidikan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Petronas di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Bandar Enstek, di sini, semalam.

Mengulas MoU berkenaan, Idris berkata, ia titik sejarah yang memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

“Kolaborasi ini bukan sekadar memanggil profesional dari Petronas untuk beri syarahan, tapi juga untuk melihat dan merangka kurikulum UiTM.

“Mereka (Petronas) sebagai profesional lebih tahu apa yang berlaku di luar sana dan dikehendaki industri. Mereka mempunyai pengalaman setimpal,” katanya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

